

## **TEKS UCAPAN**

**Y. BERTHORMAT DATO'SERI HAJI MOHD  
SHAFIE B. HAJI APDAL, MENTERI  
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ RISDA  
KALI KE-8  
DI  
AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH  
BANGUNAN RISDA JALAN AMPANG  
KUALA LUMPUR**

**PADA**

**4 OGOS 2009**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh serta  
salam sejahtera,

Saudara Pengerusi Majlis,

Y.Bhg.Dato'Abd.Jabar b. Che Nai  
Ketua Setiausaha KKLW

Y.Bhg Tan Sri Rahim bin Tamby Chik  
Pengerusi RISDA

Y.Bhg.Dato' Mohammad Izat Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Y.Bhg Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Kolej  
RISDA

Y.Bhg Ahli Lembaga Penasihat Akademik Kolej RISDA

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah  
RISDA

Pengarah-Pengarah Bahagian RISDA  
Pengarah-Pengarah RISDA Negeri

Pengurus-Besar Anak Syarikat RISDA

Datin Dr. Faridah Hanam Mohd Rashid  
Ketua Eksekutif Kolej RISDA

Y.Bhg Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin , Tuan-Puan dan Hadirin Sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana Rahmat dan keizinanNya dapat kita berkumpul meraikan Majlis Konvokesyen Kolej RISDA Kali Ke 8 pada tahun ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kolej RISDA yang berjaya mengadakan Majlis Konvokesyen kali ke 8 untuk penganugerahan Diploma dan Sijil.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang akan dianugerahkan Diploma dan Sijil sebentar lagi. Semoga peristiwa hari ini akan menjadi satu lembaran hidup baru bagi anda untuk mencipta lebih banyak kejayaan pada masa

hadapan. Penitiran kejayaan Kolej RISDA telah menobatkan sejumlah 3,420 orang graduan semenjak Konvokesyen pertama hingga ke lapan pada hari ini. Pada hari ini, kita akan menyaksikan seramai 303 graduan menerima anugerah Diploma dan Sijil masing-masing.

Y Bhg Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin , Tuan-Puan dan Hadirin Sekalian

Modal insan yang berkualiti merupakan elemen yang paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional. Pembangunan modal insan perlu dilaksanakan secara holistik yang merangkumi pemerolehan pengetahuan, kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi serta memiliki nilai dan etika positif

dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Kolej RISDA peka dengan aspirasi negara dan falsafah pendidikan. Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Saya yakin bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mempunyai peranan yang amat penting kepada negara. Perubahan yang dibawa oleh Kementerian ini kepada kehidupan masyarakat luar bandar pada masa ini jauh berbeza berbanding dengan kehidupan masyarakat luar bandar yang begitu miskin semasa lebih daripada 50 tahun dahulu (iaitu sejak Kementerian ini ditubuhkan). Jumlah kadar kemiskinan telah banyak jauh mengecil berbanding sebelum negara ini mencapai kemerdekaan.

Usaha yang dilakukan oleh pihak pemerintah, pihak Kerajaan dan pihak Kementerian untuk mendaulatkan kehidupan masyarakat di luar bandar ini telah berjaya mengubah tahap kehidupan mereka bukan sahaja di peringkat generasi pertama malah juga di peringkat

generasi kedua iaitu anak-anak mereka. Dan kini kebanyakan daripada mereka telah berhijrah ke bandar.

Pencapaian ini tidak bermakna peranan Kementerian sudah berada di tahap selesa. Malah Kementerian sentiasa mempertingkatkan usaha supaya masyarakat luar bandar terus mendapat bantuan dan menikmati kehidupan yang baik dan selesa yang akhirnya dapat membantu meningkatkan modal insan anak-anak. Sememangnya menjadi hasrat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk mewujudkan masyarakat luar bandar yang berpendidikan, dengan memberi pendidikan samada pendidikan akademik atau kemahiran kepada seluruh rakyat supaya mereka sentiasa dapat memaksimumkan keupayaan

dalam membantu pembangunan Negara terutamanya di dalam bidang pertanian yang menjadi isu global pada hari ini. Pada tahun 2008, pihak Kementerian juga telah membantu membiayai seramai 120 orang pelajar Kolej RISDA untuk mengikuti program pengajian pelbagai bidang melalui Tabung Bantuan Pendidikan KKLW berjumlah RM785,000.00. Usaha ini tidak terhenti disini, pihak Kementerian akan terus membantu masyarakat luar bandar khususnya generasi kedua untuk meningkatkan taraf pendidikan mereka.

Justeru itu saya menyarankan kepada RISDA khususnya Kolej RISDA yang terlibat secara langsung dalam ledakan Institusi Pendidikan di negara ini perlu mengenalpasti program akademik yang berasaskan pertanian yang menjurus kepada keperluan pasaran guna

tenaga di negara ini, supaya tidak tercicir dalam arus mega pembangunan.

Malahan saya menyeru kepada para graduan supaya tidak mempersia-siakan peluang pengetahuan dan kemahiran demi untuk meningkatkan pembangunan kerjaya anda di masa hadapan.

Y Bhg Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin , Tuan-Puan dan Hadirin Sekalian

Penjanaan pendidikan selaras dengan falsafah dan strategi baru Kemajuan Luar Bandar, yang meliputi kumpulan sasar RISDA iaitu merangkumi ahli isi rumah pekebun kecil termasuk wanita dan remaja yang bakal menjadi generasi kedua di Negara ini.

Salah satu daripada strategi pembangunan RISDA ialah pelaksanaan pembangunan insan

menerusi pendidikan yang berterusan untuk melahirkan manusia berinisiatif, bertaqwa, bersyukur serta memiliki nilai murni, etika hidup serta etika kerja yang cemerlang.

Bagi saya pendidikan adalah sumber segala-galanya dalam usaha kearah meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat. Pendidikan berperanan langsung dalam usaha membasmi kemiskinan dan seterusnya merealisasikan program Pelan Integrasi Nasional.

Malahan, wawasan pendidikan negara bukan sahaja melahirkan insan berilmu bahkan perlu memenuhi tanggungjawab ekonomi, dengan menyediakan manusia terlatih yang memenuhi tanggungjawab sosial, memupuk nilai budaya yang positif dan perlu memenuhi tanggungjawab bangsa dalam membina warga

yang memiliki kecemerlangan, keyakinan dan bersatu padu.

Y Bhg Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin , Tuan-Puan dan Hadirin Sekalian

Graduan harus sedar bahawa pengorbanan dan dorongan ibu bapa merupakan satu jasa yang bukan mudah untuk dibalas. Kejayaan yang dicapai pastilah menjadi satu hadiah yang sangat berharga kepada ibu bapa. Kita semua perlu rasa bersyukur di atas nikmat kejayaan ini.

Y Bhg Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin , Tuan-Puan dan Hadirin Sekalian

Saya juga mengucapkan tahniah kepada tenagakerja Kolej RISDA terutama para pensyarah yang telah melaksanakan

tanggungjawab sebaik mungkin, semoga kegigihan mereka ini dapat melahirkan serta membina generasi muda yang mampu menyumbang ke tahap produktiviti dan daya saing negara. Saya menyeru semua warga Kolej RISDA untuk terus bekerja dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas dalam menunaikan amanah ini.

Akhir kata saya berharap Kolej RISDA akan terus mengembangkan sayapnya dan meneruskan komitmen dalam melahirkan graduan yang berpengalaman, berkemahiran, bermoral dan berinovatif. Dikalangan graduan "Selamat Maju Jaya" mencapai alam pendidikan yang lebih tinggi atau menempuhi alam pekerjaan. Perlu saya tegaskan tiada Noktah untuk menimba ilmu kerana ia penentu kepada penawaran dipasaran guna tenaga di negara

ini. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Konvokesyen Kolej RISDA Kali Ke 8 di pagi yang mulia ini. Sekian, terima kasih.